



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



# 7S 1Murid 1Sukan

## KEBANGSAAN 2017 TERENGGANU

24 - 28 SEPTEMBER 2017

RABU 27 SEPTEMBER 2017, ZAFRAN MUSTAFA

**Kuala Terengganu:** Kejohanan Bolasepak 7S1M1S KPM-YBR Peringkat Kebangsaan 2017 pada edisi kali ini menyaksikan kontinjen pasukan bolasepak dari selatan tanah air iaitu Johor Darul Takzim telah dinobatkan selaku juara kejohanan. Kejuaraan terpaksa ditentukan dengan sepakan penalti setelah setiap dari pemain buntu untuk membuat tambahan jaringan setelah terikat dengan keputusan 1-1. Mencuri tumpuan pada aksi perlawanan akhir kejohanan

adalah penjaga gol dari kontinjen Johor Darul Takzim yang berjaya membakar semangat ahli pasukan dengan menyamakan kedudukan 1-1 seterusnya berjaya mencetak gol kemenangan penalti di akhir perlawanan. Keputusan penuh perlawanan akhir antara Johor Darul Takzim menentang Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor menang dengan keputusan 1(5) vs 1(4) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sebelum pada itu, kehadiran Pengerusi Yayasan Bank Rakyat, YBhg. Tan Sri Shukry Mohd Salleh yang hadir di upacara penutup kejohanan bersama para VIP lain, telah berjaya menambahkan lagi semangat para pemain untuk merebut kejuaraan. YBhg. Tan Sri berharap, dengan adanya kejohanan



bolasepak seperti ini dapat memantapkan disiplin pelajar dalam membentuk sahsiah diri tidak kira samada dari segi kokurikulum ataupun kurikulum. Tambah beliau lagi, melalui semangat kesukanan ini, murid-murid dapat dipupuk dengan semangat integriti bukan sahaja dalam kalangan pasukan sendiri, bahkan dalam kalangan pemain dari negeri yang lain. Di upacara penyampaian hadiah, pemain dari Selangor muncul selaku penjaring terbanyak manakala pemain terbaik kejohanan dimenangi oleh penjaga gol dari Johor. Kontinjen dari Johor mengharapkan agar kejuaraan ini dapat dkekalkan pada edisi seterusnya.

